

10/01/2004

Dr M yakin BN terus kekal di Kubang Pasu

JITRA: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yakin kerusi parlimen Kubang Pasu yang disandangnya sejak 29 tahun lalu terus kekal milik Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya akan datang.

Walaupun tidak akan mempertahankan kerusi berkenaan, Dr Mahathir percaya kawasan itu masih selamat untuk BN.

"Keadaan di Kubang Pasu masih baik dan saya ingat (BN) boleh terus menang," katanya yang juga Ahli Parlimen Kubang Pasu selepas perjumpaan dengan Jawatankuasa Penaja Umno Kubang Pasu, di sini semalam.

Turut hadir, Ketua Penaja Umno Kubang Pasu, Tan Sri Osman Aroff.

Mengenai calon yang bakal menggantikannya, Dr Mahathir berkata ia terserah kepada Presiden Umno.

"Beliau yang akan menentukannya. Saya takkan campur tangan tapi berjanji akan memberi sokongan," katanya yang turut menemui pegawai penerangan peti undi kawasan berkenaan.

Dr Mahathir berkata, perjumpaan itu turut digunakannya untuk mengucapkan terima kasih kepada cawangan dan pengundi yang memberikan sokongan kepadanya selama ini.

Sementara itu, Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Datuk Dr Ahmad Fawzi Basri berkata Dr Mahathir dan isterinya, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali, masing-masing bersetuju menerima Anugerah Doktor Kehormat Pengurusan Pembangunan dan Pengurusan Kerja Sosial universiti itu.

"Setakat ini, belum ada tarikh yang ditetapkan untuk majlis itu," katanya yang mengakui terpaksa memujuk pasangan berkenaan bagi menerima penghormatan itu.

Beliau berkata, majlis boleh diadakan sempena konvokesyen UUM pada September ini atau sesi khas jika memilih tarikh lain.